

# UniMAP Korban 17 Ekor Lembu

**KANGAR**, 18 November 2010 - Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) tidak ketinggalan melaksanakan ibadah korban dengan 17 ekor lembu dan dua ekor kambing telah dikorbankan.

Seramai 60 orang kakitangan terlibat dengan ibadah korban tersebut. 14 ekor lembu dan seekor kambing yang dikorbankan adalah dari kakitangan UniMAP, tiga ekor lembu adalah sumbangan Yayasan Pok & Kassim manakala seekor kambing lagi adalah sumbangan Bank Rakyat.



Majlis ibadah korban itu dilangsungkan di Kampus UniMAP Kubang Gajah dengan dihadiri lebih 200 orang yang terdiri daripada kakitangan yang terlibat dengan ibadah korban dan mereka yang datang membantu.

Turut hadir pada majlis ibadah korban tersebut adalah Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin.

